

Tips Keselamatan Untuk Pengguna LPG di Rumah


Sebuah Projek Masyarakat oleh:




SCDF
The Life Saving Force
...for a safer Singapore



LAKUKAN



Pastikan dapur gas dinyalakan dahulu.
Letakkan perkakas memasak di atas
dapur gas hanya selepas ia dinyalakan.



Buka semua tingkap untuk
mengudarakan kawasan dapur.



Beli aksesori LPG yang ada tanda
keselamatan ('SAFETY Mark')
daripada pembekal yang sah sahaja.



Untuk melaporkan kebocoran LPG
yang disyaki atau kebakaran LPG,
hubungi 995 untuk SCDF.

JANGAN LAKUKAN



Jangan hidupkan dapur gas jika anda
mengesyaki terdapat kebocoran
(seperti bau gas yang kuat).



Jangan biarkan masakan tanpa diawasi
atau letakkan barang yang mudah
terbakar berdekatan nyalaan terbuka.



Maksimum 2 silinder LPG bagi setiap rumah

Jangan simpan lebih daripada dua silinder
di rumah anda pada satu masa. Silinder
harus disimpan tegak dalam kabinet
yang berudara.

Panduan penggunaan Gas Petroleum Cair (LPG)



Disokong oleh:



KERAP LAKUKAN PEMERIKSAAN UNTUK RUMAH YANG SELAMAT

Pembekal LPG anda harus melakukan pemeriksaan 5-perkara pada sistem LPG anda setiap kali silinder baru dihantar dan dipasang semula. Jika tidak, sila hubungi pembekal anda untuk melakukannya.

Pemeriksaan Keselamatan Visual 5-Perkara

Pastikan pembekal LPG anda melakukan pemeriksaan visual secara sistematik dan menyeluruh ke atas sistem LPG anda.

Pemeriksaan Keselamatan Visual 5-Perkara seharusnya termasuk:

1



PENGATUR

- Periksa jika sudah lusuh atau tamat tempoh.

2



HOS GETAH

- Periksa jika sudah lusuh dan gantikan segera jika rosak.
- Gantikan dengan set baru berdasarkan tarikh luput yang tertera pada hos.

3



SILINDER

- Sentiasa pastikan silinder gas disimpan tegak dan jangan dibaringkan. Periksa setiap silinder jika terdapat bahagian yang sudah haus dan lusuh.

4



KLIP HOS

- Pastikan klip hos tidak longgar atau dipasang terlalu ketat (ia boleh menyebabkan hos getah lekuk atau terpotong).

5



UJIAN KEBOCORAN/ SAMBUNGAN

- Periksa semua sambungan antara dapur gas dan silinder LPG jika terdapat bahagian yang sudah haus dan lusuh.
- Terdapat kebocoran jika bahan pencuci atau sabun yang disapukan berbuih.



Pastikan terdapat Tag Keselamatan LPG di silinder LPG anda

- Tag Keselamatan LPG adalah senarai semak pembekal semasa melakukan pemeriksaan keselamatan LPG di rumah.
- Pembekal harus tandakan cap syarikatnya pada tag ini untuk mengesahkan pemeriksaan keselamatan dan harus pastikan bahawa tag/senarai semak diikat pada silinder.



Membuang silinder LPG yang sudah digunakan dan penggunaan silinder LPG di tempat awam

Jika anda perlu membuang silinder LPG yang sudah digunakan atau anda perlu menggunakan silinder LPG untuk acara di luar (wajib diletakkan di dalam sangkar untuk keselamatan), sila hubungi pembekal yang berkenaan di talian 24 jam berikut:

Esso LPG	1800 266 2828
SingGas	6863 4292
SunGas	6333 5555
Union Energy	6333 5555
LPG Association	6280 6612